

Oleh Presiden Thomas S. Monson



Presiden Monson Memanggil untuk Keberanian

Hampir satu jam berlalu, Presiden Thomas S. Monson telah perhatikan, tetapi apa kita dipanggil untuk membuat pilihan satu jenis atau yang lain.

Untuk memilih pilihan bijak, dia menasihati, kita memerlukan keberanian—“berani untuk berkata tidak, berani untuk berkata ya. Keputusan betul-betul menentukan takdir.”¹

Dalam petikan berikut, Presiden Monson mengingatkan Orang Suci bahawa mereka perlukan keberanian untuk membela kebenaran, kesolehan, kepercayaan kita dan menghadapi dunia yang menolak nilai-nilai ahklak serta asas-asas abadi.

“Pemanggilan keberanian sentiasa datang kepada kita semua,” dia berkata. “Ini tetap ada, dan akan menjadi kekal.”²

Keberanian Mendatangkan Keizinan Tuhan

“Kita akan menghadapi ketakutan, mengalami ejekan dan tentangan. Marilah kita—semua—berani untuk menentang konsensus, berani membela asas-asas hidup. Keberanian bukan kompromi, mendatangkan senyuman keizinan Tuhan. Keberanian menjadi suatu sifat baik yang hidup serta menarik. Ia tidak saja rela mati dengan berani, tetapi juga menentukan hidupnya dengan sederhana. Dengan menuju ke hadapan, berusaha hidup berpatutan, kita pasti akan menerima bantuan daripada Tuhan serta dihibur dalam kata-Nya.”³

Bertahan dengan Berani

“Apa ertinya bertahan? Saya suka definisi ini: *bertahan dengan berani*. Keberanian mungkin diperlukan bagi kamu untuk percaya; ia akan menjadi keperluan pada masa-masa apabila kamu patuh. Keberanian pasti akan diperlukan apabila kamu bertahan sehingga hari di mana kamu pergi dari kewujudan fana ini.”⁴

Memiliki Keberanian untuk Membela Kebenaran

“[Semoga] kamu memiliki keberanian untuk membela kebenaran serta kesolehan. Sebab trend dalam masyarakat kini jauh dari nilai dan asas yang diberi oleh Tuhan, kamu pasti akan dipanggil untuk membela kepercayaan kamu. Jika akar kesaksian kamu tidak ditanam dengan tegas, ia akan menjadi sukar bagi kamu untuk menahan ejekan mereka yang mencabar kepercayaan kamu. Apabila ditanam dengan tegas, kesaksian kamu tentang Injil, Juruselamat, dan Bapa Syurgawi akan mempengaruhi semua perbuatan dalam kehidupan kamu.”⁵

Kita Perlu Keberanian Rohani dan Moral

“Pesanan yang digambarkan dalam televisyen, dalam filem, dan dalam berbagai media [hari ini] sering bertentangan dengan apa kita inginkan anak-anak kita memeluk dan hargai. Ia ialah tanggungjawab kita bukan semata-mata mengajar mereka menjadi kukuh secara rohani dan dalam ajaran tetapi juga membantu mereka kekal, tidak

kira pengaruh dari luar yang mungkin mereka temui. Ini akan mengambil masa dan usaha dari pihak kita—dan untuk membantu orang lain, kita perlu keberanian rohani dan moral untuk menahan kejahatan yang kita lihat di setiap sisi.”⁶

Semoga Kita Sentiasa Berani

“Dengan menjalani hidup kita dari hari ke hari, ia tidak dapat dielakkan bahawa kepercayaan akan dicabar. Kita mungkin pada masa-masa berada dikelilingi oleh orang lain dan lagi berdiri di dalam minoriti ataupun berdiri bersendirian tentang apa yang boleh diterima dan apa yang tidak. . . .

“Semoga kita berani dan sedia membela kepercayaan kita, dan kalau dalam proses ini kita berdiri bersendirian, semoga kita melakukan dengan berani, diperkuatkan oleh pengetahuan kenyataan bahawa kita tidak pernah bersendirian apabila berdiri bersama Bapa kita di Syurga.”⁷

NOTA

1. Thomas S. Monson, “The Three Rs of Choice,” *Liahona*, Nov. 2010, 67, 68.
2. Thomas S. Monson, “The Call for Courage,” *Liahona*, Mei 2004, 55.
3. Thomas S. Monson, “Be Strong and of a Good Courage,” *Liahona*, Mei 2014, 69.
4. Thomas S. Monson, “Believe, Obey, and Endure,” *Liahona*, Mei 2012, 129.
5. Thomas S. Monson, “May You Have Courage,” *Liahona*, Mei 2009, 126.
6. Thomas S. Monson, “Three Goals to Guide You,” *Liahona*, Nov. 2007, 118–19.
7. Thomas S. Monson, “Dare to Stand Alone,” *Liahona*, Nov. 2011, 60, 67.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Kamu mungkin menanya mereka yang kamu ajari untuk fikirkan sesuatu keadaan dalam minggu akan datang—di rumah, di tempat kerja, di sekolah, atau di gereja—yang perlukan mereka bertindak dengan berani. Mereka mungkin menghadapi satu ketakutan, menahan sesuatu cabaran, membela kepercayaan mereka atau memilih untuk patuh pada satu asas injil dengan lebih sepenuhnya. Mengundang mereka untuk bincangkan fikiran atau menuliskannya.

REMAJA

Sarah Kepada Orang Lain

Oleh McKenzie Miller

Saya pernah mengalami kesukaran untuk mengemukakan kepercayaan saya sebagai jawapan kepada pertanyaan yang mudah seperti “Kenapa kamu tidak minum kopi?” Pada masa dahulu, saya berikan alasan seperti “Ia terlalu pahit” atau “Saya tidak suka rasanya.”

Mengapa saya malu? Mengapa saya sangat takut untuk membela kepercayaan saya? Merenungi kembali, saya betul-betul tidak faham kenapa saya berketakutan. Tetapi saya betul-betul mengingati apabila saya henti memberi alasan-alasan tersebut.

Pada satu hari dalam kelas Bahasa English di Sekolah Menengah, guru mengumumkan bahawa kami akan menonton satu episod rancangan TV yang saya ketahui tidak baik. Semasa pelajar-pelajar bersorak dengan kegembiraan, rakan sekelas saya, Sarah mengangkat tangannya dan meminta jika dia dibenarkan untuk keluar.

Apabila guru bertanya kenapa, Sarah berterusterang membalas, “Sebab saya seorang Mormon dan saya tidak menonton rancangan berkata-kata kotor.”

Keberaniannya untuk membela di hadapan kelas sungguh menakjubkan. Terima kasih kepada Sarah, saya juga membela dan dengan suara hati yang jelas menunggu di luar sehingga rancangan tersebut mengakhiri.

Saya diubah buat selamanya. Saya mula menerangi kepercayaan saya dan tidak mengelakkan subjek itu. Hasilnya, saya berkeyakinan pada diri saya dan menyertai kegiatan di Gereja dan sekolah dengan lebih banyak.

Saya tidak pernah memberitahu Sarah betapa penting teladannya kepada saya, tetapi saya cuba mencontohi teladannya dengan keyakinan. Saya sekarang menyedari bahawa sebagai ahli Gereja Tuhan yang suci dan indah, tidak sama sekali perlu menjadi malu. Saya berharap saya dapat menjadi seperti Sarah kepada orang lain melalui teladan saya.

Pengarang ini dari Utah, Amerika Syarikat.

Keberanian di dalam Tulisan Suci

Presiden Monson mengajarkan kita untuk memiliki keberanian dan membela kepercayaan kita. Di dalam tulisan suci, terdapat banyak teladan orang menunjukkan keberanian. Bacakan ayat-ayat suci di tepi setiap nama. Bagaimanakah orang-orang

ini dapat menunjukkan keberanian serta membela apa yang mereka mengetahui adalah benar? Kamu boleh menulis atau melukis sebuah lukisan sebagai jawapan kamu.

Daniel (Daniel 6:7, 10–23)

Ester (Ester 4:5–14; 5:1–8; 7:1–6)

Samuel si bangsa Laman (Helaman 13:2–4; 16:1–7)

Joseph Smith (Joseph Smith—Sejarah 1:11–17)



Iman, Keluarga, Pertolongan

Sifat-sifat Yesus Kristus: Tanpa Tipu Daya atau Kemunafikan

Kajikan bahan ini dengan berdoa dan carikan perkara untuk dikongsikan. Bagaimana pemahaman tentang hidup dan peranan Juruselamat boleh meningkatkan iman kamu kepada Dia dan memberkat mereka yang kamu jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari reliefsociety.lds.org.

Ini sebahagian siri Pesanan Pengajaran Berkunjung tentang sifat-sifat Juruselamat.

Dengan memahami Yesus Kristus yang tanpa tipu daya dan kemunafikan akan membantu kita berusaha untuk mengikuti teladan-Nya dengan beriman. Elder Joseph B. Wirthlin (1917–2008) dari Kuorum Dua Belas Rasul berkata: “Untuk memperdaya adalah untuk menipu ataupun menyesatkan. . . . Seorang tanpa tipu daya ialah orang yang tidak bersalah, ingin berjujur serta bermotif murni. Perbuatan seharian dalam hidupnya mencerminkan dasar sederhana yang selaras dengan asas-asas kesempurnaan akhlak perbuatan seharian. . . . Saya percaya keperluan ahli-ahli Gereja untuk tidak bertipu daya mungkin amat diperlukan sekarang berbanding dengan masa yang lain kerana ramai orang di dunia nyatanya tidak memahami kepentingan hemah ini.”¹

Tentang kemunafikan, Presiden Dieter F. Uchtdorf, Penasihat Kedua di dalam Presidensi Utama berkata “Kita semua bukan seperti Kristus, yang harus kita ikuti. Tetapi kita dengan penuh hati ingin mengatasi kesalahan dan kemahuan untuk berdosa. Dengan segala hati dan jiwa kita ingin menjadi lebih baik

dengan bantuan dari Penebusan Yesus Kristus.”²

Kita tahu “kita akan diadil menurut perbuatan kita, keinginan hati kita dan orang yang kita ingin menjadi.”³ Namun, jika kita berusaha untuk bertaubat, kita akan menjadi lebih suci—dan “berbahagialah orang yang suci hatinya, kerana mereka akan melihat Tuhan” (Matius 5:8).

Ayat-ayat Suci Tambahan

Mazmur 32:2; Yakobus 3:17;
1 Petrus 2:1–2, 22

Dari Tulisan Suci

Kanak-kanak tanpa tipu daya. Yesus Kristus berkata: “Biarkan anak-anak itu datang kepada-Ku, jangan menghalang-halangi mereka, sebab orang-orang yang seperti itulah yang empunya Kerajaan Tuhan. . . . Lalu Ia memeluk anak-anak itu dan sambil meletakkan tangan-Nya atas mereka dan memberkati mereka” (Markus 10:14, 16).

Kristus juga melayani kepada kanak-kanak di Amerika kuno setelah Penyaliban-Nya. Dia memerintahkan kepada orang-orang ramai untuk membawa anak-anak mereka kepada Dia dan “menempatkan mereka di atas tanah di

sekeliling-Nya, dan Yesus berdiri di tengah-tengah; . . .

“ . . . [Dan] Dia menangis, dan orang ramai memberikan kesaksian tentangnya, dan Dia mengambil anak-anak kecil mereka, satu demi satu, dan memberkati mereka, dan berdoa kepada Bapa untuk mereka. . . .

“Dan sewaktu mereka memandang untuk melihat mereka mengarahkan mata ke arah langit, dan . . . mereka melihat para malaikat turun dari syurga seakan-akan di tengah-tengah api; dan mereka turun dan mengelilingi anak-anak kecil itu, . . . dan para malaikat melayani mereka” (3 Nefi 17:12, 21, 24).

NOTA

1. Joseph B. Wirthlin, “Without Guile,” *Ensign*, Mei 1988, 80, 81.
2. Dieter F. Uchtdorf, “Come, Join with Us,” *Liahona*, Nov. 2013, 23.
3. *Handbook 2: Administering the Church* (2010), 1.2.1.

Timbangkan Ini

Apakah dapat kita belajar tentang tidak bertipu daya daripada anak-anak kecil? (Lihat Guide to the Scriptures, “Guile.”)